

1. a. Sarawak (asalnya dibawah jajahan Brunei)

- Pada kurun ke 18, Sultan Brunei melantik Dato Patinggi Ali (**pembesar Melayu**) dan **pembesar Dayak** memerintah Sarawak bagi pihak Kesultanan Brunei.

b. Sultan Omar Ali Saifuddin (Sultan Brunei)

2. b. **Kedatangan Pengeran Mahkota**

- i. membina bandar Kuching.
- ii. merupakan campur tangan Brunei ke atas Sarawak.
- iii. tidak disukai kerana menyebabkan pembesar Dato Patinggi Ali **kehilangan pengaruh**. (kedudukan pembesar tempatan tergugat / diketepikan)
- iv. menyebabkan pemberontakan kerana mengenakan cukai yang tinggi

3. a. **1836 Dato Patinggi Ali** (orang Melayu) dan orang-orang Bidayuh pemberontak kerana **pemerintahan Pengeran Mahkota yang kejam**.

- i. mengenakan **cukai yang tinggi**.
- ii. melaksanakan **kerahan tenaga** (amalan buruh paksa / bekerja tanpa upah).
- iii. Menjalankan **perdagangan paksa** (dipaksa membeli barangan dengan harga yang tinggi).
- iv. Pembesar tempatan kehilangan pengaruh / diketepikan.

- b. Pemberontakan ini memberi peluang kepada **James Brooke** untuk menguasai Sarawak, James Brooke dilantik menjadi Gabenor Sarawak (**Bagai orang mengantuk disorongkan bantal**).

2. a. Pada kurun 19, Sultan Brunei menghantar putera **Pengeran Mahkota** (pembesar Brunei) ke Sarawak untuk

- i. **mengukuhkan kekuasaan** Brunei ke atas Sarawak
- ii. **memonopolikan / menguasai kekayaan ekonomi** Sarawak (antimoni dan emas)

4. Akibat kegagalan Pengeran Mahkota menyekat pemberontakan, **Sultan Brunei** menghantar **Pengeran Muda Hashim** (adik Sultan) untuk mengatasi pemberontakan tetapi gagal.

- a. **1840 Pengeran Muda Hashim** meminta **bantuan tentera** James Brooke dengan ganjaran / tawaran jawatan akan melantik James Brooke menjadi Gabenor Sarawak jika berjaya atasi pemberontakan.
- b. **1841** James Brooke berjaya mengatasi pemberontakan lalu dilantik menjadi **Gabenor Sarawak** (Perjanjian Brooke dengan Pangeran Muda Hashim selepas Brooke membedil bandar Kuching). (Bermulalah campur tangan British dalam ekonomi Sarawak).
- c. **1842**, Brooke datang ke Brunei dengan angkatan tentera British lalu

- diiktiraf oleh Sultan Brunei sebagai **Raja Sarawak kerana bimbangkan kekuatan angkatan tentera British** (Perjanjian Brooke dengan Sultan Brunei. Brooke dikehendaki membayar \$2500 setahun).
4. d. **1846** Brooke mengalahkan Sultan Brunei dan memaksa Sultan Brunei melepaskan wilayah Sarawak. Diiktiraf sebagai **Raja Sarawak yang merdeka. (Tamatlah penjajahan Brunei ke atas Sarawak.)**

5. **James Brooke** (Raja Putih Pertama)

- a. bekas tentera SHTI yang telah bersara dengan sebuah kapal sendiri bernama “Royalist”.
- b. Untuk menguasai Sarawak beliau:-
 - i. mengatasi kekacauan / kebangkitan.
 - ii. membeli wilayah daripada Sultan Brunei.
 - iii. menyerang Brunei dan memaksa Sultan Brunei melepaskan wilayahnya.
 - iv. memusnahkan petempatan kaum Iban dan Melayu yang menentanginya.
 - v. mendapat bantuan tentera British.
- c. **James Brooke** diganti oleh anak saudaranya, **Charles Brooke**.

6. **Charles Brooke** (Raja Putih ke-2)

- a. **1888** membuat **perjanjian dengan British** untuk mengukuhkan kedudukannya.
 - i. dibawah **naungan British (dilindungi British** jika diserang musuh).
 - ii. Keluarga Brooke boleh memerintah Sarawak dengan **bebas**.
 - iii. British **mengawal segala hal ehwal luar Sarawak**.
- b. **Charles Brooke** diganti oleh anaknya, **Vyner Brooke**.

7. **Charles Vyner Brooke** (Raja Putih ke-3)

- a. Pada perayaan 100 tahun, keluarga Brooke memerintah, Charles Vyner Brooke memperkenalkan **Pelembagaan Bertulis Pertama 1941** yang **memberikan pemerintahan sendiri (kemerdekaan) kepada Sarawak**.
- b. menyerahkan kuasa mutlaknya kepada **Majlis Tertinggi** dan **Majlis Negeri** dan berpeluang **ke arah kerajaan sendiri**. **Majlis Negeri** yang pada awalnya hanya menyuarakan pandangan tetapi sekarang boleh **meluluskan undang-undang sendiri** dan **menguruskan kewangan**. Raja masih berkuasa membatalkan undang-undang.
- c. Tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana kedatangan / **penjajahan Jepun**.
- d. **1946** Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British kerana:
 - i. tidak yakin dengan kebolehan anak saudaranya, Anthony Brooke (pertikaian keluarga).
 - ii. hendak bersara kerana tua / uzur.
 - iii. tiada waris lelaki dan tiada wang untuk memulihkan ekonomi Sarawak.

iv. Desakan British.

v. Menjaga kepentingan pelabur di Sarawak.

8. Perubahan Ekonomi

a.	Hasil-hasil hutan	- sarang burung, kayu balak, rotan, getah jelutung.
b.	Tanaman tradisional (diusahakan kerana harga tinggi dipasaran)	- lada hitam dan gambir ditanam oleh orang Cina. - sagu atau rumbia oleh orang Melanau di Oya, Mukah dan Bintulu.
c.	Tanaman Baru	- getah, tembakau, balak.
d.	Pelombongan	- emas oleh orang Cina di Bau. - 1875 orang Cina memberontak kerana cukai tinggi dikenakan oleh Brooke. Brooke tutup lombong dan orang Cina lari ke Sambas. - minyak di Miri oleh The Anglo-Saxon Oil Company. [Usaha cari gali minyak berkembang apabila hasil antimoni (orang Bidayuh), emas (orang Cina), arang batu dan raksa berkurangan]

9. Perubahan Sosial

a. Pendidikan:

- **Sekolah Melayu** terdapat di bandar sahaja. Sekolah Melayu dibina untuk melatih orang Melayu Sarawak menjadi guru dan kakitangan rendah kerajaan.
 - **Sekolah Inggeris pertama** ialah St. Thomas dan dikendalikan oleh Mubaligh Kristian di Kuching.
 - **Sekolah Cina**: buku, guru dan sukatan dari negara China. Didirikan oleh ahli peniaga dan masyarakat Cina.
- b. Perhubungan pos, telegraf, telefon dan pengangkutan, kesihatan terdapat di bandar bahagian **pertama** sahaja dan tidak dinikmati oleh pribumi di luar bandar.
- c. **Sarawak Rangers** – pasukan polis mengawal keamanan Sarawak
- d. Kemasukan imigran Cina menyebabkan masyarakat majmuk di Sarawak.
- e. Brooke tidak membenarkan kemasukan **pelabur barat** dan pembinaan **ladang** secara besar-besaran untuk mengelakkan kedudukannya terancam.
- f. Akibatnya, **ekonomi Sarawak** hanya dimonopolikan oleh **Syarikat Borneo dan orang Cina**.
- g. Bangunan ala **seni-bina barat** semasa pemerintahan Brooke ialah Bangunan Astana, Fort Magherita, Muzium dan Istana Negeri.
- h. Jabatan-jabatan Polis, Kastam oleh Kehakiman ditubuhkan untuk melicinkan pentadbiran.
- i. Brooke memperkenalkan **dasar pecah dan perintah** (perpaduan sukar dicapai) untuk **menguatkan kedudukan / memantapkan kuasa pemerintahannya**.
- i. Setiap kaum terlibat dalam ekonomi dan petempatan yang berlainan.
 - ii. Pengasingan kaum (tiada perpaduan)

- iii. Sekolah Dayak **tidak digalakkan**.(untuk **mengekalkan cara hidup tradisional / mengelakkan kesedaran politik**)

Kaum	Petempatan / Ekonomi berlainan (tiada perpaduan)
Melayu	Pentadbiran
Cina	Perdagangan / perlombongan / pertanian
Iban	Tentera
India	Saudagar kain
Sikh	Polis

- j. Sarawak dibahagi kepada beberapa bahagian dan daerah untuk memudahkan urusan pentadbiran.
- k. James Brooke telah memperkenalkan sistem pemerintahan beraja, mengekalkan pemerintahan tradisional, untuk mendapat sokongan melantik pembesar tempatan dalam pentadbiran.

10. Sistem Pentadbiran Brooke yang licin

Raja Sarawak / Brooke (kuasa mutlak)

dibantu oleh

a. Majlis Negeri

- menyuarakan masalah rakyat.
- diketuai oleh ketua-ketua bumiputra.

b. Majlis Bahagian

- **Terdiri daripada 5 Majlis Bahagian dan setiap bahagian diketuai oleh.**

↓
i. **Residen**

↓
ii. **Penolong Residen**

↓
iii. **Pegawai Daerah (1920) (mentadbir daerah)**

↓
iv. **Pegawai Anak Negeri**

- mengetuai tentera
- menasihati Residen
- **mengutip cukai.**
- menjaga keamanan

↓
v. **Ketua Kampung (orang Tua)**

- Melaporkan kes curi dan wabak penyakit kepada pihak atasan.

c. Majlis Tertinggi

- menasihati Raja**
- meluluskan undang peraturan & dasar pentadbiran
- Diketuai oleh:-
 - **Dato Patinggi**
 - **Dato Iman**
 - **Dato Temenggung**
 - **Dato Bandar**
 - **Residen Bahagian Pertama**
- Brooke mendapatkan nasihat daripada Dato-dato dan mengekalkan / melibatkan pemerintah tempatan untuk:-
 - mendapatkan kerjasama / sokongan pembesar tempatan.
 - mengekalkan pemerintahan tradisional.
 - menghargai pengalaman pentadbir tempatan.

Gabungan Sistem Pentadbiran barat dan tradisional

Orang Barat


Orang Tempatan

11. British menguasai Sarawak melalui keluarga Brooke / pihak persendirian.

TINGKATAN 2 (BAB 4) : KEKAYAAN EKONOMI SARAWAK MENDORONG PENJAJAHAN KELUARAGA BROOKE

Soalan 3 berdasarkan peristiwa di bawah.

PMR 1996



1 Berdasarkan rajah di atas, apakah peranan Pegawai Anak Negeri dalam pentadbiran Charles Brooke di Sarawak?

- I Menjadi penasihat kepada Residen
- II Menjadi pegawai mengutip cukai
- III Menjadi ketua pasukan tentera
- IV Menjadi ketua jabatan kerajaan

- A** I, II, dan III **C** I, III, dan IV
B I, II, dan IV **D** II, III, dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 10b iv)

2 Semasa memerintah negeri Sarawak, James Brooke berusaha mendapatkan nasihat daripada Dato'-dato'.

Mengapakah James Brooke berbuat demikian?

- I Untuk mendapatkan kerjasama pembesar tempatan
- II Untuk mengekalkan nilai tradisi tempatan
- III Untuk meninjau kekuatan pembesar tempatan
- IV Untuk menghargai pengalaman pentadbiran pembesar tempatan

- A** I, II, dan III **C** I, III, dan IV
B I, II, dan IV **D** II, III, dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 10c iv)

Penyerahan Pulau Pinang kepada Inggeris 1786.

R

Penyerahan Sarawak kepada James Brooke 1841.

S

3 Dalam peristiwa **R**, penyerahan Pulau Pinang oleh Sultan Kedah bertujuan untuk mendapatkan bantuan pihak Inggeris bagi menghalang serangan Siam.

Apakah tujuan peristiwa?

- A** Untuk mematahkan pemberontakan dalam negeri
- B** Untuk mendapatkan bantuan ketenteraan
- C** Untuk membantu menentang kuasa asing
- D** Untuk menjalin hubungan perdagangan

(JAWAPAN A: NOTA 4a,b)

PMR 1997

4 Pada tahun 1827 Pangeran Indera Mahkota telah mengambil alih pemerintahan Sarawak, tetapi tidak disukai oleh pembesar Sarawak. Mengapa?

- A** Beliau menggugat kedudukan pembesar tempatan
- B** Beliau dianggap sebagai orang luar
- C** Beliau menghapuskan adat resam penduduk tempatan
- D** Beliau mempunyai hubungan dengan British

(JAWAPAN A: NOTA 2b iii)

5 Antara berikut, apakah faktor pemberontakan Dato' Patinggi Ali di Sarawak pada tahun 1836?

- I Campur tangan secara langsung pemerintah Brunei
- II Kehilangan pengaruh pembesar tempatan
- III Campur tangan James Brooke
- IV Amalan perdagangan paksa

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 3)

PMR 1998

Soalan 6 berdasarkan maklumat di bawah.

Pangeran Mahkota dilantik sebagai wakil pemerintahan Brunei di Sarawak.

- 6 Apakah tujuan utama Sultan Brunei berbuat demikian?
- A Untuk memajukan perlombongan antimoni
 - B Untuk memberi penghargaan kepada Pangeran Mahkota
 - C Untuk mengukuhkan kekuasaan Kesultanan Brunei
 - D Untuk mengawal hasil perhutanan

(JAWAPAN C: NOTA 2a i,ii)

Soalan 7 berdasarkan pernyataan di bawah.


Tahun	Peristiwa
1841	Menandatangani perjanjian antara Pangeran Muda Hashim dengan James Brooke
1874	Menandatangani Perjanjian Pangkor

7 Berdasarkan jadual di atas, apakah kesan daripada peristiwa itu?

- A British dapat menguasai ekonomi tempatan
- B British dapat menguasai jalan perdagangan ke China
- C British dapat menyeragamkan pentadbiran di tanah jajahannya
- D British berjaya menghapuskan pemberontakan penduduk tempatan

(JAWAPAN A: NOTA 4b)

Soalan 8 berdasarkan rajah di bawah.



- 8 Berdasarkan rajah di atas, mengapakah berlakunya perubahan peranan dari R ke S?
- A Memenuhi tuntutan penduduk tempatan
 - B Menyediakan kemerdekaan Sarawak
 - C Menambahkan bilangan ahli majlis
 - D Menggalakkan pertumbuhan ekonomi

(JAWAPAN B: NOTA 7a,b)

PMR 2000

9 Pada tahun 1830-an, Sultan Brunei melantik Pangeran Mahkota untuk mentadbir Sarawak.

Mengapakah Sultan Brunei bertindak demikian?

- A Menguasai hasil antimoni
- B Mengukuhkan pengaruhnya
- C Melumpuhkan kegiatan lanun
- D Menghapuskan pemberontakan

(JAWAPAN C: NOTA 2a i,ii)

PMR 2001

- 10** Penguasaan British terhadap Sarawak berbeza dengan Tanah Melayu. Bagaimanakah British menguasai Sarawak?
- A** Melalui kuasa tentera
 - B** Melalui dasar kerajaan
 - C** Melalui usaha mubaligh
 - D** Melalui pihak persendirian

(JAWAPAN D: NOTA 11)

Soalan 11 berdasarkan maklumat di bawah.

Pangeran Mahkota telah dilantik sebagai wakil pemerintah Kesultanan Brunei di Sarawak. Pemerintahannya yang kejam menyebabkan berlakunya penentangan di Sarawak pada tahun 1837.

- 12** Apakah kesan langsung daripada peristiwa di atas?
- A** Pangeran Mahkota dipenjarakan
 - B** Penjajahan British ke atas Sarawak
 - C** Pentadbiran Sarawak diseragamkan
 - D** Penyerahan Sarawak kepada Brooke

(JAWAPAN D: NOTA 3b)

PMR 2002

Soalan 13 berdasarkan jadual di bawah.


Tahun	Peristiwa
1830-an	Penentangan rakyat Sarawak terhadap pemerintahan Pangeran Mahkota.

- 13** Apakah kesan daripada peristiwa di atas?
- A** Sarawak dibantu oleh Brunei
 - B** Sarawak ditadbir oleh James Brooke
 - C** Sarawak diperintah oleh pembesar tempatan
 - D** Sarawak dibahagi kepada dua bahagian

(JAWAPAN B: NOTA 3b)

PMR 2003

Soalan 14 berdasarkan peta di bawah.




Negeri Sarawak

- 14** Berdasarkan peta di atas, mengapakah James Brooke diberi kuasa memerintah negeri Sarawak pada tahun 1841?
- A** Mengembalikan keamanan
 - B** Mendapat sokongan pembesar
 - C** Menyelesaikan masalah kewangan
 - D** Memajukan perlombongan antimoni

(JAWAPAN A: NOTA 4b)


Soalan 15 berdasarkan maklumat di bawah.




- 15** Berdasarkan maklumat di atas, apakah kesan daripada perjanjian tersebut?
- A** Sultan Brunei kehilangan takhta
 - B** Sarawak menjadi negeri naungan British
 - C** Pampasan diberikan kepada Sultan Brunei
 - D** James Brooke diiktiraf sebagai pemerintah Sarawak

(JAWAPAN D: NOTA 4c)

Soalan 16 berdasarkan rajah di bawah.





- 16 Rajah di atas menunjukkan struktur pentadbiran negeri Sarawak semasa pemerintahan keluarga Brooke. Ahli Majlis Bahagian ialah
- A Pegawai Majistret
 - B Setiausaha Kerajaan
 - C Pegawai Anak Negeri
 - D Pegawai Kanan British

(JAWAPAN C: NOTA 10b iv)

Soalan 17 berdasarkan maklumat di bawah.

Pada 24 September 1941 Charles Vyner Brooke telah mengisytiharkan Perlembagaan Sarawak.

- 17 Mengapakah perlembagaan di atas tidak dapat dilaksanakan?
- A Pendudukan Jepun
 - B Kekurangan pentadbir
 - C Penduduk belum bersedia
 - D Bantahan saudagar Eropah

(JAWAPAN A: NOTA 7c)

PMR 2004

- 17 Mengapakah berlakunya penentangan Datuk Patinggi Ali terhadap wakil Kesultanan Brunei di Sarawak pada tahun 1837?
- I Perlaksanaan kerahan tenaga
 - II Pengenalan cukai yang tinggi
 - III Pencerobohan kawasan pertanian
 - IV Perebutan kawasan perlombongan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 7C)

Soalan 18 berdasarkan maklumat di bawah.

Tahun	Peristiwa
1888	Perjanjian antara keluarga Brooke dengan British

- 18 Berdasarkan maklumat di atas, apakah kebaikan yang diperoleh keluarga Brooke?
- A Sarawak dilindungi British
 - B Ekonomi berkembang pesat
 - C Penetapan sempadan wilayah
 - D Penentangan tempatan dihapuskan

(JAWAPAN A: NOTA 6a i)

- 19 Mengapakah Charles Vyner Brooke menggubal Perlembagaan Negeri Sarawak pada tahun 1941?
- A Melicinkan sistem pentadbiran
 - B Menyelaraskan bidang kehakiman
 - C Menyediakan ke arah pemerintahan sendiri
 - D Menyeragamkan kuasa pembesar tempatan

(JAWAPAN C: NOTA 7a,b)

PMR 2005

Tarikh	Pentadbir Wilayah Sarawak
Kurun ke-18	Pembesar tempatan dilantik oleh Sultan Brunei untuk mentadbir Sarawak
Kurun ke-19	Pembesar Brunei mentadbir Sarawak

- 23 Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah berlaku perubahan kepimpinan dalam pentadbiran Kesultanan Brunei di Sarawak?
- I Memajukan negeri
 - II Menguasai kekayaan
 - III Mengukuhkan kekuasaan
 - IV Menjamin kemerdekaan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 2a i,ii)

PMR 2006



(Sumber: *Golden Days In Sarawak*)

25 Gambar rajah di atas menggambarkan suasana yang dapat dilihat semasa pentadbiran Brooke di Sarawak.

Apakah rumusan yang dapat dibuat daripada gambar rajah tersebut?

- A Pembukaan tanah baru
- B Penghijrahan penduduk
- C Peningkatan taraf hidup
- D Pengeksploitasian kekayaan

(JAWAPAN D)

1846	↑	Diiktiraf sebagai Raja Sarawak yang merdeka
1841		Menjadi Gabenor Sarawak
1840		Menamatkan penentangan di Sarawak

26 Garis masa di atas menunjukkan penguasaan James Brooke di Sarawak.

Apakah kesan daripada penguasaan tersebut?

- A Penghapusan cukai
- B Penubuhan Majlis Undangan
- C Pemansuhan kuasa pembesar
- D Penamatan pemerintahan Brunei

(JAWAPAN D: NOTA 4d)

Kaum	Bidang pekerjaan
Melayu	Pentadbiran
Iban	Ketenteraan
Cina	Perdagangan

27 Jadual di atas menerangkan dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan semasa pentadbiran keluarga Brooke di Sarawak.

Apakah kesan pelaksanaan dasar tersebut?

- A Meningkatkan taraf hidup
- B Menjamin perpaduan rakyat
- C Mengukuhkan kedudukan pemerintah
- D Mempelbagaikan kemahiran penduduk

(JAWAPAN C: NOTA 9j)

PMR 2007

Pangeran Indera : Saya akan menaikkan cukai Mahkota terhadap hasil penduduk.
 Pembantu Pangeran : Bagus juga cadangan Pangeran. Ini dapat menambahkan pendapatan.

24 Dialog di atas mungkin berlaku di Sarawak pada tahun 1830-an.

Apakah kesan tindakan tersebut?

- A Kemajuan infrastruktur terjejas
- B Pelaburan asing berkurangan
- C Kebangkitan rakyat berlaku
- D Perpindahan penduduk di pedalaman

(JAWAPAN C: NOTA 3a)


Bangsa	Bidang Pekerjaan
Melayu	Pentadbiran
Iban	Ketenteraan
Cina	Perlombongan

25 Jadual di atas menunjukkan perbezaan pekerjaan penduduk di Sarawak semasa pentadbiran Brooke.

Mengapakah perbezaan tersebut diwujudkan oleh Brooke?

- I Menghalang perpaduan kaum
 - II Menjamin kedudukan pemerintah
 - III Mempertingkatkan ekonomi peribumi
 - IV Mengawal kuasa golongan pembesar
- A I dan II C III dan IV
 B II dan III D I dan IV

(JAWAPAN A: NOTA 9)



26 Kawasan berlorek dalam peta di atas menunjukkan perluasan kuasa James Brooke dan Charles Brooke di Sarawak dari tahun 1853 sehingga tahun 1905.

Bagaimanakah perluasan kuasa tersebut dapat dilakukan?

- A Permintaan rakyat tempatan
- B Sokongan pedagang asing
- C Bantuan tentera British
- D Kerjasama pembesar Melayu

(JAWAPAN C: NOTA 4b)


PMR 2008

24 Mengapakah Sultan Brunei menghantar Pangeran Raja Muda Hashim ke Sarawak?

- A Mengawal kegiatan lanun
- B Melindungi pedagang asing
- C Mencari kawasan perdagangan
- D Menamatkan kebangkitan rakyat

(JAWAPAN D: NOTA 4)

25 Rajah 6 menerangkan tentang perubahan pentadbiran di Sarawak.




Rajah 6

Mengapakah Sultan Brunei membuat perubahan tersebut?

- A Menguasai kekayaan
- B Menyekat pengaruh asing
- C Mengelak perebutan kuasa
- D Menamatkan pemberontakan

(JAWAPAN A: NOTA 2ai)

26 Rajah 7 menunjukkan perubahan bidang kuasa Majlis Negeri di Sarawak.



Rajah 7

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Penyeragaman sistem pentadbiran
- B Perkembangan sistem pendidikan
- C Pengisytiharan perlembagaan
- D Penentangan pemimpin tempatan

(JAWAPAN C: NOTA 7a,b)

PMR 2009

25 Perkara berikut terkandung dalam perjanjian antara Charles Brooke dengan British pada tahun 1888.

- British melindungi Sarawak
- British mengawal hal ehwal luar negeri

Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap Sarawak?

- A Pelaksanaan Sistem Residen
- B Menjadi negeri naungan
- C Bebas daripada ancaman lanun
- D Membantutkan kebangkitan rakyat

(JAWAPAN B: NOTA 6, 6a)

26 Apakah peranan Majlis Tertinggi yang diperkenalkan oleh Brooke di Sarawak?

- A Mengutip cukai
- B Menjaga keamanan
- C Meluluskan undang-undang
- D Mengetuai operasi ketenteraan

(JAWAPAN C: NOTA 10cii)

27 Senarai berikut merupakan pembesar tempatan yang dilantik oleh James Brooke menyertai Majlis Tertinggi di Sarawak.

- Datu Bandar
- Datu Patinggi
- Datu Temenggung


Apakah peranan pembesar tersebut?

- A Pengawal hasil pertanian
- B Penasihat pemerintah
- C Penyelaras cukai
- D Penguasa tentera

(JAWAPAN B: NOTA 10ci)

PMR 2010

23 Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran Brooke di Sarawak.



Apakah X?

- A Majlis Daerah
- B Majlis Tertinggi
- C Majlis Penasihat
- D Majlis Kehakiman

(JAWAPAN B: NOTA 10c)

24 Mengapakah Brooke melaksanakan dasar pecah dan perintah di Sarawak?

- A Mengukuhkan kuasa
- B Menyusun semula masyarakat
- C Melindungi kepentingan peribumi
- D Menyeragamkan sistem pentadbiran

(JAWAPAN A: NOTA 9j)

25 Dialog di bawah mungkin berlaku di Brunei pada kurun ke-19.

Pembesar: Tuanku, pembesar kita di Sarawak gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.
Sultan Beta akan mengutuskan Brunei: Pangeran Muda Hashim untuk membantu mereka.

Mengapakah Sultan Brunei mengambil tindakan demikian?

- A Menamatkan pemberontakan
- B Memajukan kawasan perlombongan
- C Menjalin hubungan diplomatik
- D Membasmi kegiatan lanun

(JAWAPAN : NOTA4)

53 Apakah kepentingan Perlembagaan Sarawak yang diisytiharkan pada tahun 1941?

- A Pelaksanaan pilihan raya
- B Penyingkiran campur tangan kuasa luar
- C Pemberian kuasa pemerintahan sendiri
- D Penamatan pemerintahan beraja

(JAWAPAN C: NOTA 7a)